

WACANA

Menteri Kewangan Lawrence Wong prihatin dengan insiden berbaur perkauman yang memaksa warga menimbangkan semula keadaan keharmonian kaum di sini. Bagaimanapun, kejadian-kejadian yang tular di media sosial baru-baru ini itu menurut beliau telah menimbulkan kesedaran yang lebih tinggi mengenai isu-isu perkauman dan merintis jalan bagi perbincangan mengenai bagaimana warga Singapura boleh mengatasi isu tersebut dan bangkit sebagai sebuah masyarakat lebih kukuh. Dalam ucapannya di Forum Mengenai Kaum dan Perkauman, Encik Wong menggariskan falsafah berbilang kaum Singapura dan memberi saranan bagaimana sistem kita boleh diperbaiki, yang ditekankan beliau telah umumnya berkesan berlandaskan sikap saling memahami dan kepercayaan yang dipupuk antara masyarakat berbilang kaum di sini; dan bukan menerusi paksaan atau konfrontasi. Berikut sedutan ucapan beliau.

KEBELAKANGAN ini, beberapa insiden yang membingungkan telah membuat kita berhenti sejenak bagi meninjau keadaan keharmonian kaum kita.

Pada Mei, seorang lelaki Cina menendang dada seorang wanita India sambil mengeluarkan cercaan perkauman. Awal bulan ini, seorang lelaki Cina bersemuka dengan pasangan antara kaum, mengatakan mereka harus keluar dengan kaum masing-masing. Pada bulan yang sama, seorang wanita Cina dirakam memalu gong untuk mengganggu upacara doa seorang jiran India.

Dan baru-baru ini, seorang wanita Melayu dijatuhkan hukuman penjara kerana mengeluarkan kata-kata cercaan perkauman terhadap seorang penumpang bas wanita.

Perlakuan perkauman ini tidak boleh diterima. Saya terguris dengan kejadian ini. Dan seperti anda semua, saya berharap kejadian ini tidak berlaku.

Ada yang bertanya mengapa kita mengalami beberapa kejadian perkauman baru-baru ini. Mereka tertanya-tanya apakah perkauman akan meningkat. Saya rasa kita harus melihat ini dalam konteks yang lebih luas.

Pemerintah mengawasi semua kejadian yang melibatkan bangsa dan agama dengan teliti, kerana kita tahu betapa ia begitu peka. Daripada penyelidikan kami, kami tahu kejadian perkauman seperti itu bukan perkara baru. Bilangannya jauh lebih banyak dalam sejarah awal kita, tetapi berkurang secara beransur-ansur dalam beberapa dekad, walaupun tahun kebelakangan ini terdapat banyak kes daripada biasa, kemungkinan besar akibat tekanan Covid-19.

Kejadian seperti itu tidak selalu menjadi tajuk berita utama. Tetapi perkauman masih wujud di Singapura; ia ada dalam kalangan kita – di jalanan, kawasan kejiranan dan tempat kerja kita.

Pada masa lalu, insiden perkauman mungkin telah diuraikan di antara pihak-pihak terlibat dan di balik pintu tertutup. Kini, kes-kes itu diketengahkan di media sosial, dan diedarkan lebih luas kepada khalayak lebih besar.

Secara positif, media sosial telah membantu mewujudkan lebih kesedaran mengenai perkauman di sini.

Ia telah menjadikan kita, terutama majoriti, melihat dari dekat di cermin dan merenung dengan lebih mendalam tentang siapa kita, dan kita mahu menjadi siapa.

Ternyata kita tidak boleh membiarkan keadaan begitu sahaja. Kita lebih baik daripada keadaan ini. Sama ada dalam talian atau di luar talian, kita mesti berpegang pada standard yang lebih tinggi, dan menangani perkauman di mana sahaja ia wujud dalam masyarakat kita. Perseolannya: apa tindakan kita sekarang?

Bagaimana Kita Tiba Di Sini:

Membangun Singapura bagi rakyat Singapura

Untuk menjawab soalan ini, kita mesti terlebih dahulu memahami masa lalu kita dan bagaimana kita tiba di sini.

Soal kaum tidak pernah menjadi isu mudah bagi mana-mana masyarakat di dunia, terutamanya yang sangat rencam seperti kita. Ini amat melibatkan perasaan emosi kerana soal kaum disaluti identiti kita, budaya kita, cara hidup kita.

Naluri semula jadi manusia adalah mengaitkan orang-orang yang paling serupa dengan kita, dan menjaga jarak daripada orang lain. Tidak mustahil untuk mengatasi ketidakselesaan seperti itu, seperti yang ditunjukkan masyarakat kita dan masyarakat berbilang kaum yang lain. Tetapi kita hanya menipu diri kita sekiranya kita percaya bahawa keharmonian antara kaum dan agama terjadi secara semula jadi. Ia tidak jatuh begitu dari langit. Tidak ada perkara yang ditakdirkan menghubungkan masyarakat pelbagai kaum.

Bagi Singapura, persoalan mengenai kaum telah menjadi isu asas sejak awal.

Secara mudah: Sekiranya soal kaum tidak wujud sebagai cabaran, Singapura tidak akan berpisah dari Malaysia, dan kita tidak akan menjadi negara merdeka, negara berdaulat.

Kehadiran kita selama 23 bulan dalam persekutuan



ENCIK WONG: Mengakui beliau terguris dengan insiden perkauman. Beliau menyifatkan perlakuan perkauman sebagai tidak boleh diterima dan berharap ia tidak berlaku.

menunjukkan kecenderungan setiap kaum menekankan identitinya, haknya, dan keutamaannya – sering dengan mengorbankan kaum lain.

Bertentangan dengan itu, para pemimpin pengasas kita berazam membangun “Singapura bagi rakyat Singapura”.

Seperti yang dinyatakan oleh Encik Lee Kuan Yew pada 9 Ogos 1965: “Kita akan mempunyai negara berbilang kaum di Singapura. Kita membuat contoh. Ini bukan negara Melayu; ini bukan negara Cina; ini bukan negara India. Semua orang akan ada tempat, saksama...”

Tetapi pemimpin pengasas kita juga tahu bahawa mewujudkan Singapura bagi rakyat Singapura bukan hanya sekadar slogan di mulut. Mereka tahu bahawa kita memerlukan dasar yang disengajakan, memikirkan soal perlindungan dengan teliti, dan usaha tegas untuk memastikan bahawa kaum minoriti akan dilindungi, kaum majoriti tidak akan menyalah guna penguasaannya, dan mereka yang taksub dan chauvinis dari mana jua kaum akan dikekang dan dibendung.

Oleh itu, generasi pengasas berazam mewujudkan negara seperti itu, mengambil langkah sukar dan kadangkala drastik untuk mencapai cita-cita nasional yang penting ini.

Mereka secara konsisten enggan membataskan dasar politik mereka hanya untuk kaum majoriti, mengetepikan semua yang lain. Mereka mengambil tindakan tegas, termasuk menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri, terhadap pelbagai bentuk chauvinis, termasuk chauvinis Cina.

Mereka menjadikan bahasa Inggeris – bahasa yang neutral untuk semua – sebagai bahasa kerja kita, bahasa pemerintahan dan bahasa pengantar utama di sekolah kita. Mereka mengubah peraturan pilihan raya untuk menjamin bahawa kaum minoriti akan sentiasa diwakili di Parlimen, dan tidak ada parti yang dapat ke depan dengan menarik secara sempit menarik kaum atau agama tertentu. Dan mereka meminda Perlembagaan untuk mewujudkan Majlis Presiden berhubung Hak Minoriti, dipengerusikan oleh Hakim Besar, dengan kuasa menolak undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen yang mencabul hak minoriti.

Hasil apa yang mereka capai, kita berada dalam kedudukan yang jauh lebih baik hari ini. Rusuhan kaum 1960-an terbatas pada buku teks sejarah, dan rakyat Singapura generasi saya dan anak-anak kita telah menikmati keamanan dan keharmonian selama beberapa dekad.

Kita tidak sempurna dan masih banyak kerja yang perlu dilakukan. Tetapi Singapura adalah salah satu daripada segelintir tempat di dunia dengan rakyat daripada

pelbagai kaum dan agama tinggal secara aman dan rapat bersama selama lebih setengah abad.

Saya tahu tidak semua setuju dengan dasar yang telah kita tetapkan. Contohnya, ada yang percaya sistem GRC tidak perlu, kerana rakyat Singapura boleh dipercayai mengundi calon terbaik, dari apa jua kaum, tanpa bantuan GRC.

Tetapi lihatlah Amerika Syarikat, sebuah masyarakat pelbagai kaum. Di sana, mahkamahannya campur tangan untuk memastikan daerah pilihan raya dengan majoriti orang Afrika-Amerika dan Hispanik mempunyai perwakilan yang rencam dalam badan perundangan mereka.

Di Singapura, kerana kita mahukan perpaduan kaum dan bukannya perumahan yang terpisah, kita tidak lagi mempunyai kawasan undi dengan majoriti kaum India dan Melayu. Sebaliknya kita mempunyai sistem GRC untuk memastikan sekurang-kurangnya bilangan minimum wakil minoriti di Parlimen.

Oleh itu, sama ada Amerika atau Singapura, keduanya mempunyai sistem untuk menjamin perwakilan minoriti dalam badan perundangan. Kedu-duanya menyedari bahawa anda tidak boleh memiliki ‘*E pluribus unum*’ – *Out of Many, One* – (satu daripada ramai) dengan hanya menganggap ‘yang ramai’ tidak wujud.

Saya menghormati pandangan rakyat Singapura yang percaya bahawa kita sudah bersedia bergerak melewati batas bangsa, dan berfikir kita tidak lagi memerlukan sistem GRC. Percayalah, tiada siapa yang lebih gembira daripada kepimpinan PAP – masa lalu dan sekarang, daripada Lee Kuan Yew dan S Rajaratnam dan seterusnya – jika suatu hari kita tidak lagi memerlukan sistem GRC bagi memastikan perwakilan minoriti yang mencukupi.

Tetapi kita belum sepenuhnya kebal terhadap panggilan sirenen daripada identiti kaum dan budaya eksklusif. Kita juga belum mencapai keadaan “pascaperkauman”. Tentunya peristiwa baru-baru ini, jika boleh jadi contoh, mengesahkan kewaspadaan kita.

Model Khas Berbilang Kaum Kita

Ini membawa saya ke titik penting lain: kita tidak mencapai keharmonian antara kaum dengan mewujudkan masyarakat monolitik. Masyarakat pelbagai kaum kita tidak memerlukan sebarang masyarakat meninggalkan warisan atau tradisi.

Cara kita bukan seperti Perancis, mendesak asimilasi menjadi satu bahasa dan budaya induk: berbahasa Perancis, menerima cara hidup Perancis dan berasimilasi dengan masyarakat Perancis. Sebaliknya kami memutuskan untuk memelihara, melindungi dan meraikan kerencaman kita.

Oleh itu, kita mendorong setiap masyarakat berbahaga dengan budaya dan tradisi masing-masing. Pada masa yang sama, kita mencari ruang persamaan di antara masyarakat kita, dan mahu mengembangkan ruang bersama kita dan mengukuhkan rasa kekitaan dan identiti kita bersama.

Dasar dwibahasa kita adalah asas utama dalam pendekatan ini.

Kita percaya bahawa dengan membolehkan anak-anak kita akses kepada tradisi kaya yang dibawa oleh bahasa vernakular kita, mereka akan tahu siapa mereka dan tidak akan menjadi tiruan lesu orang Eropah atau Amerika. Oleh itu, kita memperbanyak usaha melestarikan bahasa Cina, Melayu dan Tamil: menegaskan anak-anak sekolah belajar bahasa ibunda, menuangkan sumber untuk menjaga standard dalam bahasa vernakular, dan membantu mengekalkan media vernakular.

Sehingga hari ini, Parlimen memberikan terjemahan serentak dalam keempat-empat bahasa rasmi kita, walaupun semua Ahli Parlimen memahami dan bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik. Ia adalah amalan penting yang terus kita tegakkan – paling tidak untuk membiarkan dunia dan warga kita sendiri tahu bahawa kita tidak boleh keliru dengan Barat dan orang Barat, walaupun bahasa Inggeris adalah bahasa perniagaan kita dan kita berhubung dengan dunia.

Lawrence: masyarakat kaum masih

Usaha bina berbilang berterusan

... Langkah demi langkah, kita boleh dekati ideal kita dengan lebih dekat: “sebagai rakyat

yang bersatu padu, tidak kira apa bangsa, bahasa, atau agama”

Ada yang mengkritik dasar kita untuk memelihara dan mengembangkan komponen budaya kita. Mereka berasa dasar sedemikian menjadikan kita lebih peka terhadap kaum, dan mengurangkan semangat berbilang kaum. Sekolah Rancangan Bantuan Khas atau SAP kadangkala dijadikan contoh dalam hujah ini.

Saya faham keprihatinan mengenai sekolah SAP. Kita mahu anak muda kita membesar berinteraksi dengan orang dalam masyarakat lain dan berkawan antara semua kaum. Jadi kita akan terus melihat bagaimana kita dapat memperkukuhkan semangat pelbagai kaum di semua sekolah kita.

Namun saya akan meminta mereka yang mengkritik sekolah SAP supaya memikirkan: Adakah masyarakat kita akan lebih baik sekiranya piawaian bahasa pertuturan dan penulisan vernakular meleset, dan budaya Cina, Melayu dan India Singapura menjadi layu dan hilang?

Itulah sebab utama sekolah SAP. Ia sebelumnya merupakan sekolah menggunakan bahasa Cina. Kami mengekalkan sebahagian daripadanya dalam bentuk baru ini supaya kita masih terus memiliki sebilangan pelajar dwibahasa dan dwibudaya yang mencukupi, sama berkebolehan kuat dalam Bahasa Inggeris dan Cina.

Begitu juga, kita mempunyai program di beberapa sekolah untuk membolehkan pelajar kita mendalami penguasaan mereka dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Tamil, dan untuk memupuk minat dwibudaya mereka. Kita juga mempunyai Madrasah, media vernakular yang kukuh, serta pelbagai pertubuhan budaya Cina, Melayu dan India – daripada Orkestra Cina kepada Taman Warisan Melayu dan Persatuan Seni Halus India.

Haruskan semua ini ditiadakan dengan alasan bahawa mereka mengekalkan kesedaran perkauman dan tidak merangkumi bangsa lain, bahasa lain, budaya lain, tradisi lain? Tentunya tidak, kerana itu bukan yang kita maksudkan ketika kita berikrar untuk menjadi “satu bangsa, tidak kaum, bahasa atau agama”

Orang Singapura bukan sahaja masyarakat kosmopolitan berpendidikan Inggeris, mengikuti perkembangan dengan trend terkini di London, Paris atau New York. Orang Singapura juga merupakan warga sesama kita yang lebih selesa berbahasa Mandarin, Melayu, Tamil, atau bahasa lain, dan yang mempunyai perspektif dan pandangan budaya berbeza.

Saya menukil apa yang Perdana Menteri Lee Hsien Loong katakan pada 2017, semasa pembukaan Pusat Kebudayaan Cina Singapura. Ini merangkumi bagaimana model berbilang kaum kita tidak boleh dikelirukan dengan kesejagatan ‘kawah lebur’ Perancis atau Amerika: “Kita... masyarakat berbilang kaum, agama, dan budaya,” kata Perdana Menteri. “Kepelbagaian ini adalah aspek dasar penting identiti masing-masing. Tujuan kami adalah integrasi, bukan asimilasi. Tidak ada bangsa atau budaya di Singapura dipaksa menyesuaikan diri dengan budaya atau identiti lain, tidak juga kaum yang majoriti. Kita bukan masyarakat ‘kawah lebur’... Sebaliknya, kita mendorong setiap kaum mengekalkan budaya dan tradisi yang unik, sementara memupuk rasa saling menghargai dan menghormati antara mereka semua. Menjadi Orang Singapura tidak pernah menjadi mengurangkan, tetapi menambah; tidak berkurang, tetapi lebih banyak; bukan membatas dan mengecut, tetapi keterbukaan dan pengembangan.”

Ini adalah falsafah berbilang kaum kita. Kita tidak merendahkan kepelbagaian, tetapi menerima dan merai-kannya. Semangat pelbagai kaum di Singapura tidak bermakna melupakan identiti kaum, linguistik, agama dan budaya yang berasingan. Ia tidak memerlukan kita memadamkan warisan kita yang kaya dengan rebusan yang hambar dan homogen. Sebaliknya, ia menyuruh kita mendakap warisan pusaka kita, menghormati orang lain, dan melepasi batas itu merangkumi identiti nasional dan matlamat bersama.

Di sini saya teringat sesuatu yang pernah saya baca tulisan mendiang Kuo Pao Kun semasa saya di MCCY. Beliau menyamakan budaya dengan pokok – mereka terpi-



TERAS UTAMA UCAPAN ENCIK LAWRENCE WONG

- Kaum merupakan isu mencabar di mana-mana, terutamanya bagi masyarakat berbilang kaum dan agama di Singapura. Ia isu yang dekat dengan hati ramai orang.
- Singapura berpisah dengan Malaysia kerana negara ini mahu semua bangsa dilayani secara saksama - negara berbilang kaum. Dasar berbilang kaum di Singapura bereti kaum, bahasa atau agama setiap kumpulan etnik tidak diabaikan atau dipadamkan. Sebaliknya, negara ini menggalak, memelihara dan meraikan kepelbagaiannya.
- Rakyat Singapura telah membuat kemajuan sejak kemerdekaan dengan saling bertolak ansur antara kaum yang berlainan, bukan dengan setiap kaum berkeras menegaskan hak mereka atau memperjuangkan tuntutan terhadap satu sama lain.
- Pemerintah tidak akan goyah dalam komitmennya menggalak kahamanan dalam kalangan kaum dan menyediakan peluang saksama untuk semua.
- Singapura mesti rendah hati untuk mengakui bahawa usaha membina masyarakat berbilang kaum masih berterusan.
- Mengidntif bahawa lebih sukar menjadi seorang minoriti berbanding majoriti di mana-mana di dunia. Majoriti mesti terus bersikap sensitif dan sedar akan keperluan minoriti, sebagaimana minoriti telah membalas dengan bersikap bertimbang rasa tentang keperluan majoriti.
- Terus bertolak ansur dan percaya antara kaum berlainan. Berhati-hati dalam cara menuntut perubahan. Bersuara tentang prasangka perkauman dalam cara sivil.
- Pemerintah akan menyemak dan mengemaskini dasar sejajar dengan perubahan dalam masyarakat Singapura. Dasar boleh berubah, tetapi sebarang perubahan mesti memperluas ruang bersama sementara membolehkan setiap masyarakat menikmati cara kehidupannya.
- Anggap satu sama lain sebagai rakan - mendidik satu sama lain tentang apa yang penting kepada kita, membantu satu sama lain memahami budaya kita yang berbeza, dan mencari kepentingan bersama yang kita mempunyai dalam satu sama lain.

MELANGKAH BERSAMA DALAM HARMONI: Encik Lawrence Wong mengajak warga maju ke depan dengan semangat saling menghormati dan persahabatan: mendidik satu sama lain tentang apa yang penting kepada kita, membantu satu sama lain memahami budaya kita yang berbeza, dan mencari kepentingan bersama yang kita mempunyai dalam satu sama lain. - Foto fail

sah di batang pokok tetapi menyentuh di hujung cabang di mana pendebungaan silang berlaku, dan di hujung akarnya mereka memperoleh zat makanan dari tanah yang sama.

Seperti yang diperhatikan Pao Kun, adalah penting untuk bergerak lebih tinggi dan lebih dalam untuk menyedari indahnya pluralisme. Inilah yang selalu kita usahakan. Menjangkau lebih dalam untuk memperteguh akar budaya kita; dan pada masa yang sama, mencapai keadaan lebih tinggi untuk melakukan pendebungaan silang dengan budaya lain, dan dengan itu mengembangkan identiti rakyat Singapura yang lebih kukuh.

Adakah ini mudah dilakukan? Tidak. Tetapi bukannya baik kita cuba mencapainya? Ya, tentu sekali.

Falsafah berbilang kaum kita yang berbeza menguatkan peraturan, undang-undang dan amalan kita yang telah kita kembangkan, secara pragmatik, untuk memenuhi keadaan dan realiti kita.

Kadangkala, kita katakan bahawa kita mesti mengambil kira bangsa, kerana kita tidak boleh berpura-pura bahawa idenditi kaum tidak wujud. Jadi dalam politik nasional, kita telah sengaja memastikan orang daripada semua kaum diwakili; dan dari segi perumahan, kita secara sedar memastikan ada gabungan etnik yang seimbang dan mengelakkan kelompok perkauman. Pada ruang lain, kami katakan mari kita melangkaui perkauman, mari kita buta-perkauman. Jadi dalam pekerjaan, dalam sistem pendidikan kita, kami telah berusaha memberikan kepada semua orang, tanpa mengira bangsa atau agama, peluang saksama.

Melangkah ke Hadapan dengan Saling Mempercayai Bertolak Ansur

Satu sebab utama mengapa sistem kita dapat diamalkan adalah kerana sikap saling memahami dan mempercayai yang terjalin antara masyarakat kita. Kita tidak berada di sini hari ini menerusi konfrontasi atau paksaan. Tidak juga dengan setiap masyarakat menuntut haknya sendiri, dan menekan tuntutan terhadap orang lain.

Sebaliknya, melalui semangat saling bertolak ansur dan berkompromi, kita telah menemui keseimbangan yang dapat diterima oleh semua. Tidak ada masyarakat yang memperoleh semua yang mereka inginkan. Tetapi secara kolektif, kita telah menikmati lebih banyak pencapaian daripada apa yang dapat kita capai dengan hanya memusatkan perhatian pada agenda kita sendiri. Semua orang secara amnya berasa selesa, dan kita semua dapat hidup bersama dalam harmoni.

Ini adalah keseimbangan yang rapuh (*delicate*), tetapi ia boleh berubah. Ia bersifat dinamik. Sikap dan keadaan masyarakat akan terus berubah dari masa ke masa.

Kini terdapat lebih banyak percampuran dan interaksi antara kaum – di sekolah, di tempat kerja, dalam masyarakat. Warga Singapura yang lebih muda kini membesar tanpa memikirkan soal perbezaan kaum, dan lebih menerima kaum lain berbanding ibu bapa dan datuk nenek mereka. Lebih seperlima perkahwinan di Singapura adalah antara kaum.

Memandangkan pada keadaan kita sekarang, ada warga Singapura yang berasa tiba masa untuk mengambil pendekatan berbeza mengenai hubungan kaum – bahawa Pemerintah sekarang harus melihat pada dasar bahawa kita merupakan masyarakat yang tidak mengambil kira soal perkauman, dan menghapus semua peraturan dan amalan yang menggariskan soal kaum dengan pelbagai cara.

Saya menghargai keinginan ini. Sesungguhnya, saya berkongsi aspirasi ini. Mungkin saya cukup muda untuk merasakan naluri idealistik golongan milenial, dan cukup masak untuk memahami sikap berhati-hati generasi ibu bapa yang telah melalui pelbagai pengalaman.

Namun, kita semua boleh bersetuju bahawa dasar berbilang kaum kita tidak sempurna, dan kita perlu terus mengusahakannya, untuk mengurangkan ketidaksempurnaan kita, langkah demi langkah. Izinkan saya beri beberapa saranan bagaimana kita boleh melakukannya:

Pertama, kita mesti mengiktiraf bahawa dalam mana-mana masyarakat berbilang kaum, adalah lebih sukar menjadi seorang minoriti berbanding majoriti. Ini berlaku di mana-mana di dunia. Oleh itu, penting bagi masyarakat majoriti di Singapura memainkan peranannya, dan bersikap sensitif dan sedar akan keperluan minoriti.

Ini merentasi semua aspek kehidupan seharian. Ini penting bagi seseorang yang menghadapi diskriminasi apabila mencari pekerjaan. Ini penting apabila seseorang rasa terpinggir apabila orang lain dalam sesebuah kumpulan bertutur dalam bahasa yang tidak difahami semua. Ini penting bagi bakal penyewa yang mendapati tuan rumah tidak suka bangsa mereka. Ini penting bagi pelajar, jiran, rakan kerja, dan sahabat kita yang perlu menangani stereotaip tentang kaum mereka, atau komen tidak sensitif.

Perkara ini berlaku, tidak selalu, dan mungkin tidak sering, tetapi kadangkala. Dan apabila ia berlaku, ia menyebabkan luka yang nyata, yang tidak terhapus dengan ia diketepikan sebagai ungkapan bersahaja atau gurauan.

Saya percaya masyarakat majoriti di Singapura memahami perkara ini. Oleh itu, saya meminta agar kita lebih berusaha dan mengambil langkah tambahan untuk membuat rakan, jiran, rakan kerja minoriti kita rasa selesa. Layani orang lain dengan cara anda ingin dilayani; dan dengan tindakan anda, ajar anak-anak anda melakukan perkara yang sama. Ingatkan ahli keluarga atau rakan-rakan anda yang mungkin membuat kesilapan cuai dari masa ke masa.

Pada masa yang sama, saya berterima kasih masyarakat minoriti telah membalasnya dengan menyedari bahawa masyarakat majoriti juga mempunyai keperluan dan keprihatinan.

Dalam hal ini, penting untuk menyedari bahawa masyarakat Cina di Singapura bukan monolitik. Kadangkala orang bercakap tentang “keistimewaan Cina” di Singapura. Mungkin ada berat sebelah atau kelemahan yang harus disedari dan diperbaiki masyarakat Cina.

Namun, tolong fahami bahawa kita masih mempunyai seluruh generasi rakyat Singapura berbangsa Cina yang lebih selesa bertutur dalam bahasa Cina berbanding Inggeris, dan menganggap diri mereka mempunyai kekurangan dalam dunia berbahasa Inggeris. Mereka rasa mereka telah banyak berkorban untuk mewujudkan masyarakat berbilang kaum: sekolah bahasa Cina, Universiti Nanyang, dialek, dan sebagainya. “Apa maksud anda dengan ‘keistimewaan Cina’?” mereka akan bertanya, kerana mereka tidak rasa istimewa langsung. Sememangnya, ramai daripada mereka akan keberatan dicirikan sebegitu.

Ini membawa saya ke perkara kedua, iaitu kita mesti teruskan pendekatan kita bertolak ansur, (bina) kepercayaan dan kompromi.

Biar saya jelaskan: Saya tidak mengatakan bahawa kita harus menahan diri daripada menyuarakan rasa kurang senang kita, atau kaum minoriti Singapura berdiam diri apabila mengalami prasangka.

Sebaliknya, kita harus berterus terang dan jujur mengenai pengalaman perkauman

- Yang dialami pelbagai kumpulan menanganinya.
- Kita bukan hanya mesti terus bersuara, bahkan bersiap sedia mengadakan perbincangan yang tidak selesa – bukan untuk memulakan pertengkaran, tetapi untuk mulakan perbincangan beradab, saling mendengar, dan memahami semua sudut pandangan. Tetapi kita tidak boleh menuntut hak maksimum bagi setiap kumpulan, menganggap setiap kompromi sebagai ketidakadilan yang perlu dikutuk; atau bersangka buruk bagi setiap pengalaman yang mengguris atau dirasa kurang sensitif.

- Kerana apabila satu kumpulan bergolak secara agresif demi menegaskan identiti dan haknya ke atas yang lain, tidak lama lagi kumpulan lain akan rasa tertekan dan mula menegaskan hak mereka.

- Kita sudah melihat ini berlaku di banyak tempat di seluruh dunia: ketika satu pihak menggunakan politik identiti untuk menuntut hak mereka, ia selalu mendorong yang lain untuk meningkatkan tindakan dan membuat tuntutan yang lebih besar. Kita akhirnya mendorong kecenderungan terburuk kita – sikap berpuak, permusuhan dan dendam.

- Sekiranya kita ikut jalan ini, dengan menonjolkan perbezaan daripada kesamaan, kumpulan minoriti tidak akan menang, dan hasilnya juga akan baik bagi masyarakat majoriti.

- Oleh itu, saya berharap semua kumpulan yang meminta perubahan sedar tentang pendekatan mereka. Adalah wajar jika mahu mendapat perhatian, ingin melihat perubahan yang kita rasa seharusnya berlaku. Tetapi ayuh kita lakukan dengan cara yang memperluas ruang dengan persetujuan, bukan menyempitkannya; mendalamkan persefahaman lintas budaya, tidak menyebabkan rasa defensif dan curiga; mengharapkan sikap lebih

di kalangan kita semu dan tidak menyemarakkan sikap “mereka lawan kita”.

Akhirnya, pemerintah akan terus mendekati secara meluas, dan mengemas kini dasar kami mengenai kaum, serta dasar-dasar lain yang membantu memperkuat keharmonian kaum di Singapura.

Dasar boleh berubah, contoh tudung jururawat Muslim

Dasar kami tidak kekal buat selamanya. Untuk sebarang dasar – sama ada GRC, EIP, Kumpulan Bantuan Sendiri, atau sekolah SAP – kami terus bertanya pada diri sendiri: apa yang kami capai? Adakah dasar itu masih relevan hari ini? Sekiranya begitu, bolehkah ia diperbaiki?

Salah satu contoh terkini ialah tinjauan kami terhadap jururawat Muslim yang mahu memakai tudung dengan pakaian mereka pakaian seragam. Proses ini memerlukan kajian terperinci dan dialog yang luas antara pemerintah dan masyarakat pelbagai kita. Ia tidak boleh tergesa-gesa, dan juga tidak seharusnya berubah hanya berdasarkan siapa yang melaung paling kuat.

Akhirnya, sebarang perubahan mesti meluaskan ruang bersama kita, dan memperkuat keharmonian kaum kita, sambil membiarkan setiap komuniti memberi ruang sebanyak mungkin untuk meneruskan cara hidup mereka.

Contohnya, keseimbangan kaum di Singapura. Ada yang mengatakan kita harus melampaui batas CMIO. Tetapi bagaimana perasaan rakyat Singapura jika peredaran C, M, I dan O berubah secara mendadak?

Sebenarnya, kami telah berusaha keras memastikan keseimbangan ini kekal stabil bagi warganegara kami kerana kami faham betapa sukarnya perubahan besar akan menjejaskan semua kumpulan, majoriti atau minoriti. Anda dapat melihat dalam laporan banci terkini bagaimana kita kekalkan keseimbangan ini selama beberapa dekad.

Pada masa yang sama, kami telah bekerja keras mengintegrasikan warga baru, demi memastikan mereka juga menerapkan nilai dan cara hidup kita. Kerana sedang banyak warga baru secara etnik serupa dengan kita, mereka berasal daripada pelbagai latar belakang budaya, tidak membesar atau hidup lama dalam masyarakat berbilang kaum kita dan akan mengambil masa untuk menghargai atau memahami pendekatan berbilang kaum kita.

Dalam sekitar teras rakyat Singapura ini, kita telah mengumpulkan penduduk sementara. Mereka hidup dan bekerja di sini buat sementara waktu, dan akhirnya akan pulang ke negara masing-masing.

Pemegang pas kerja ini penting bagi ekonomi kita. Mereka membolehkan kita kekal berdaya saing, menarik pelaburan, dan mencipta pekerjaan baik untuk rakyat Singapura.

Kami mengawal kemasukan pekerja migran ini. Namun, tidak mungkin bagi kami memastikan campuran etnik mereka sepadan dengan penduduk kita, atau mereka berintegrasi dengan lancar dalam fabrik sosial kita. Hasilnya, dari masa ke masa, ini mewujudkan perselisihan dan masalah dalam kalangan masyarakat kita.

Kami memahami keprihatinan ini. Oleh itu, kami terus menyemak dan mengemaskini dasar pas kerja juga, untuk memastikan ia memenuhi keperluan ekonomi kita, membantu Singapura berkembang dan makmur, namun sesuai dengan konteks sosial kita.

Begitulah kenyataan hidup dalam masyarakat yang pelbagai, dalam dunia yang dinamik dan global. Kita perlu membuat penyesuaian berterusan; berulang kali periksa untuk memastikan keseimbangannya betul.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pemerintah ini tidak akan goyah dalam komitmen kami menggalak keharmonian dalam kalangan semua bangsa, dan memastikan semua rakyat Singapura menikmati peluang penuh dan saksama dalam kehidupan.

Seperti nenek moyang semua bangsa kita yang telah menjadikan tempat ini rumah mereka pada 1965, kita juga yakin kita mesti terus memperkuat “Singapura rakyat Singapura” kita, dan membina sebuah masyarakat berbilang kaum yang lebih sempurna.

Meskipun apabila sebilangan rakan senegara kita gagal memenuhi jangkaan, atau mengabaikan peranan mereka dalam projek nasional penting ini, mari kita lihat mereka sebagai rakan rakyat untuk dibawa bersama, bukan musuh untuk dijert atau dipinggirkan.

Marilah kita bertanggungjawab atas tindakan abang dan kakak kita. Dan marilah kita maju ke depan dengan semangat saling menghormati dan persahabatan: mendidik satu sama lain tentang apa yang penting kepada kita, membantu satu sama lain memahami budaya kita yang berbeza, dan mencari kepentingan bersama yang kita mempunyai dalam satu sama lain.

Kita mesti rendah hati untuk mengakui bahawa usaha membina masyarakat berbilang kaum masih berterusan; kejujuran menyedari bahawa tidak semua orang akan mahu bergerak pada rentak yang sama; namun tetap bersungguh-sungguh melindungi dasar berbilang kaum kita – menjaganya, memeliharanya, memperkuatnya.

Kemudian, langkah demi langkah, kita boleh mendekati ideal kita dengan lebih dekat: “sebagai rakyat yang bersatu padu, tidak kira apa bangsa, bahasa, atau agama”.